

Rancangan Tempatan MBMB

8 teras PSRB jadi panduan

Oleh NUR HASANAH BALQIS NORAZMAN

BANDARAYA MELAKA 21 Jan. - Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB) akan dijadikan panduan sebagai penyediaan Rancangan Tempatan (RT), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bagi memsejahterakan rakyat.

Datuk Bandar Bandarnya Melaka Bersejarah (BMB), Da-

tuk Wira Zainal Hussen berkata, Rancangan Struktur Negeri Melaka 2035 dan kadar perbandaran negeri mencapai 86.5 peratus ketiga tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Katanya, RT MBMB menggariskan posisi Bandaraya Melaka sebagai sebuah bandar raya hijau, mampan dan berdaya tahan.

Ujarnya, PSRB menyedi-

akan lapan teras iaitu modal insan bandar bersihsah tinggi, ekonomi rakyat bandar berdaya tahan, perumahan mampan, pengangkutan bandar yang efisien dan mampan tongging.

Dikuti kemudahan awam yang seimbang, mudah sampai dan berkualiti, masyarakat bandar yang harmoni dan selamat, persekitaran bandar hijau, bersih dan sihat dan tadbir

urus bandar yang baik. "Tanya selaras dengan pendekatan kerajaan dalam merencanakan Transformasi Nasional 2050 (TN50)," katanya.

Zainal berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian LAB Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah di Hotel Swiss Garden di sini, Khamis lalu.



ZAINAL

Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Beri manfaat pembangunan ekonomi Melaka

Oleh SHAZZUAN SHAH MOND SALEH & NUR HASANAH BALQIS NORAZMAN

BANDARAYA MELAKA 21 Jan. - Projek Lebuhraya Persisiran Pantai di yakini membawa pelbagai manfaat dari segi pembangunan ekonomi negeri serta memendekkan masa perjalanan ke pusat bandar.

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar &

Desa Negeri, Mohd Faidzal Hainzah berkata, projek tersebut akan bermula di Kuala Linggi hingga Sungai Rambai sepanjang kira-kira 100 kilometer (KM).

Katanya, ia kini masih dalam peniliran untuk diperhalusi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Mohd Faidzal berkata, projek tersebut meliputi pembinaan serta naik

taraf jalan di sepanjang persisiran pantai akan membantu meningkatkan ekonomi negeri khususnya penduduk Melaka.

"Melaka sudah memulakan laluan yang telah dicadangkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan nampak mereka seperti setuju. Tapi, kita tidak tahu sama ada ia akan dikonsulkan tol atau tidak.

Ujarnya, projek itu

juga mengambil kira pelbagai sudut kepada masyarakat sekitar, cadangan laluan mengambil kira faktor penempatan.

"Contohnya, kita tidak mahu memecahkan satu kampung menjadi dua bahagian dan juga mengedakkan kawasan penanaman.

"Perlu ada laluan alternatif seperti jalan persisiran pantai ini kerana Melaka kini menjadi salah satu destinasi utama pelancongan tempatan dan asing, untuk bercuti pada hujung minggu dan cuti umum," katanya.

Mohd Faidzal berikhtisarkan kepada pemberita selepas Majlis Perasmian LAB Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) 2035 di Hotel Swiss Garden di sini, Khamis lalu.

Majlis tersebut dirombak Timbalan Exco Perumahan, Kerjasama Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Sa'ali Muhi Dîn.

Turut hadir, Datuk Bandar Bandarnya Melaka Bersejarah (BMB), Datuk Zainal Hussen.

Jelasnya, projek

peningkatan jalan persisiran pantai ini diilhami mampu memendekkan masa perjalanan dari Kuala Linggi ke pusat bandar.

"Apabila projek tersebut siap, ia mampu menampung beban aliran trafik dari Port Dickson, Negeri Sembilan ke beberapa kawasan pelancongan sedia ada.

"Pembinaan jalan persisiran pantai, sekali gus mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang sering berlaku di pusat bandar terutama pada cuti hujung minggu," ujarnya.



ZAINAL dan Faidzal menunjukkan laluan projek Lebuhraya Persisiran Pantai dari Kuala Linggi ke Sungai Rambai di Majlis Perasmian LAB Rancangan Tempatan MBMB 2035 di Hotel Swiss Garden, Khamis lalu.



ANTARA penduduk yang hadir di Majlis Tabiyun Bicara Isu Fitness & Dayah terhadap pembinan UMNO Bahagian Bukit Katil, baru-baru ini. Turut hadir, Nakh Keta UMNO Bahagian Bukit Katil, Datuk Wira Hassan Hussien dan Sabatun N.B7 Pusat, Datuk Kamarudin yang menyampaikan isu tersebut.



ZAINAL dan Faidzal menunjukkan laluan projek Lebuhraya Persisiran Pantai dari Kuala Linggi ke Sungai Rambai di Majlis Perasmian LAB Rancangan Tempatan MBMB 2035 di Hotel Swiss Garden, Khamis lalu.